

Naza serah habuan kereta, kediaman

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Empat atlet negara yang meraih pingat emas dan gangsa dalam Sukan Paralimpik Rio 2016 akhirnya menerima habuan daripada Naza Corporation hari ini yang keseluruhannya bernilai RM1.5 juta.

Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi yang merangkul pingat emas dalam acara 100m T36 (*Cerebral Palsy*), Muhammad Ziyad Zolkefli (lontar peluru F20 (masalah pembelajaran)) dan Abdul Latif Romly (lompat jauh T20 (masalah pembelajaran)) masing-masing membawa pulang hadiah kediaman Trion 888, Equine Park serta sebuah kereta Kia Sportage.

Siti Noor Radiah Ismail yang merangkul gangsa dalam acara lompat jauh T20 (masalah pembelajaran) turut membawa pulang sebuah Kia Rio.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Naza Corporation Holdings, SM Nasarudin SM Nasimuddin menzahirkan rasa gembiranya kerana diberi peluang untuk menunjukkan penghargaan kepada atlet Paralimpik negara yang berjaya mengharumkan nama negara di pentas dunia.

Beliau juga menyifatkan kejayaan keempat-empat atlet itu merupakan pencapaian terbesar dalam sejarah sukan Paralimpik.

“Untuk prestasi luar biasa mereka Rio 2016, juara-juara ini layak diiktiraf dan diberikan ganjaran dengan suite kediaman di Trion 888, Equine Park bernilai RM350,000 sebagai tambahan kepada Kia Sportage keluaran terbaharu bernilai RM121,888.

“Tidak lupa juga kepada Radiah yang akan turut membawa

pulang kereta Kia Rio sedan bernilai RM72,888 yang menjadikan nilai keseluruhan RM1.5 juta.

“Kami turut memberi ganjaran kepada ketiga-tiga jurulatih, R. Jaganathan, Mohd. Faizol Harun dan Mohd. Syahrul Amri (Mohd. Suhaimi) atas usaha dan dedikasi mereka melatih atlet negara sehingga menjadi juara dunia,” katanya yang juga Presiden Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) dalam majlis di Menara Naza, di sini hari ini.

Naza Corporation merupakan antara syarikat korporat yang aktif dalam sukan termasuk menjadi penaja Sukan SEA 2017.



(DARI KIRI): Siti Noor Radiah Ismail, Muhammad Ziyad Zolkefli, Abdul Latif Romly dan Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi bersama kereta Kia dalam majlis penyampaian ganjaran oleh Naza Corporation di Kuala Lumpur semalam.